

14/11/1998

Peruntukan galak pelancongan ditambah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Peruntukan untuk tujuan penggalakan pelancongan akan ditambah bagi merangsang semula sektor itu serta memastikan kejayaan usaha menjadikan negara sebagai destinasi pilihan serantau.

Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada dasarnya sudah menyatakan persetujuan terhadap permintaannya itu.

Katanya, Dr Mahathir juga sudah mengarahkan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, supaya mengkaji perkara itu dengan teliti serta berbincang dengan pegawai kementeriannya mengenai jumlah yang diperlukan.

Dalam Belanjawan 1999, sebanyak RM170 juta diperuntukkan kepada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk tujuan promosi di luar negara.

Menurutnya, peruntukan tambahan itu akan digunakan bagi pembangunan prasarana pelancongan serta promosi di luar negara yang perlu ditekankan kerana persaingan hebat dari negara jiran.

"Kita perlu agresif jika ingin menyaingi negara jiran kita yang agresif," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Senilukis Antarabangsa Asia Ke-13 di sini, hari ini.

Sebanyak 175 karya seni daripada media campuran, cat minyak, akrilik, cetakan dan arca dipamerkan di Balai Seni Lukis Negara mulai hari ini hingga 10 Disember depan.

(END)